

21 NOV 1997

SARAWAK TUBUH MAJLIS BERTINDAK EKONOMI NEGERI

KUCHING, 21 Nov (Bernama) -- Sarawak akan menubuhkan majlis bertindak ekonomi di peringkat negeri selaras dengan usaha menangani krisis kewangan yang melanda negara.

Ketua Menteri Tan Sri ABdul Taib Mahmud hari ini berkata majlis peringkat negeri itu dijangka akan dibentuk dua bulan lagi.

"Kami menyambut baik penubuhan majlis bertindak ekonomi negara dan akan menunggu maklumat lanjut mengenai fungsinya sebelum melantik anggota panel di peringkat negeri," katanya kepada pemberita selepas menghadiri dialog mengenai ekonomi dan hal-ehwal semasa anjuran Kelab Penyokong Kerajaan Sarawak (SBBC) di sini.

Malam tadi Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengumumkan majlis bertindak ekonomi negara yang diketuainya akan ditubuhkan bulan depan dalam usaha mengukuhkan keyakinan terhadap ekonomi Malaysia.

Pada majlis dialog selama dua jam itu anggota-anggota SBBC mendengar ceramah bekas gabenor Bank Negara Tan Sri Datuk Dr Lin See Yan dan Timbalan Dekan Fakulti Ekonomi dan Pentadbiran Universiti Malaya Dr Jamaluddin Mohd Yusof. -- BERNAMA

CJ NN RON